

25 JUL 2001

Hadi-Syurga

PARTI POLITIK TIADA HAK TENTUKAN SYURGA DAN NERAKA, ABDUL HADI

KUALA TERENGGANU, 25 Julai (Bernama) -- Surga dan neraka adalah di tangan Tuhan dan bukan di tangan mana-mana parti politik termasuk Pas, kata Timbalan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini.

Menteri Besar Terengganu itu berkata mereka yang membuat sogokan melalui janji sekiranya sokongan diberi kepada pihak tertentu akan ditempatkan di syurga menunjukkan kejahilan mereka terhadap Islam.

"Menentukan syurga dan neraka ini adalah kepunyaan Allah dan kita tidak boleh menentukan syurga dan neraka.

"Kalau kita anggap bahawa janji beri syurga dan neraka diberi kepada orang tertentu ini memberi tanda kejahilan tentang agama Islam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini.

Isnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat dilaporkan berkata bahawa rasuah yang sukar dibendung ialah berupa sogokan melalui janji sekiranya sokongan diberikan kepada pihak tertentu, mereka akan ditempatkan di syurga.

Abdul Hadi berkata apa yang dilakukan Pas hanya menerangkan berkenaan Islam kepada anggota dan pemimpin parti itu dalam usaha mereka menyuruh ke arah kebaikan serta mencegah kejahatan.

"Kita hanya beramal dan Pas berusaha sedaya upaya... semua tindakan yang dilakukan oleh Pas adalah berdasarkan kepada Islam," katanya.

Beliau berkata Pas yakin kepada janji Tuhan bahawa sesiapa yang beriman dan melakukan amal soleh yang menepati ajaran Islam akan dijanjikan syurga.

Ketika ditanya mengenai larangan mengadakan ceramah politik, Abdul Hadi berkata Pas akan mengadakan perbincangan dengan polis dan juga di peringkat parti itu sendiri.

"Kita akan berbincang dengan polis bahkan di peringkat pusat kita akan mengemukakan permohonan untuk berjumpa dengan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai," katanya.

-- BERNAMA

MRA SN RI